



Remaja daripada ibu bapa yang bercerai di Malaysia: Suatu penelitian ekspresi emosi

Norhayati Zulkefli¹, Zaidah Mustapha¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence: Norhayati Zulkefli (email: yatie88ungu@yahoo.com)

Abstrak

Dalam menempuh alam remaja, pelbagai ekspresi ditunjukkan dalam kehidupan mereka. Ekspresi positif yang ditunjukkan dapat membina jati diri dan ekspresi negatif membawa remaja kepada penyesalan. Ekspresi positif dan negatif juga mencerminkan didikan daripada keluarga. Kajian ini yang pertama bertujuan untuk mengenalpasti jenis emosi dan kedua pengurusan emosi remaja mengikut gender dikalangan remaja yang mengalami krisis keluarga bercerai. Kajian gender dan emosi ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk temu bual mendalam untuk melihat jenis emosi yang dirasakan disebabkan oleh faktor pencetus dan pengurusan emosi dengan melihat faktor budaya. Emosi yang dirasakan remaja dilihat dari sudut emosi positif dan negatif. Seramai sepuluh orang pelajar menjadi informan dalam kajian ini iaitu lima lelaki dan lima perempuan. Hasil kajian secara keseluruhan mendapati remaja perempuan lebih terdorong dengan emosi positif seperti emosi sayang. Manakala informan lelaki lebih terdorong dengan emosi negatif iaitu benci dan marah. Selain itu, emosi sedih dan malu lebih tertumpu kepada remaja perempuan berbanding lelaki. Secara amnya, informan dalam kajian ini menguruskan emosi dengan mendapatkan bantuan dari ibu, rakan-rakan dan kaunselor.

Katakunci: ekspresi emosi, ibu bapa bercerai, jenis emosi, kaedah kualitatif, pengurusan emosi, remaja

Teenagers of divorced parents in Malaysia: A study of emotional expression

Abstract

Numerous emotions are expressed during a teenager's life. The positive ones could help in developing his or her integrity while the negative ones could lead them into remorse. These contrasting emotional expressions also reflect on the kind of nurturing gained from their family. This study examined identify types of emotions that teenagers of divorced parents expressed, and the way they managed their emotions according to gender. The study employed a qualitative approach comprising in-depth interviews with five female and five male informants to identify the negative and positive types of emotional feelings triggered by their situations and how these emotions were managed from a cultural perspective. The findings revealed that the females were more driven by positive emotions while the males leaned more towards negative emotions. Females also showed a tendency for dejected and taken-back emotions compared to males. Generally the informants managed their emotions by seeking comfort from their mother, peers and counsellors.

Keyword: divorced parents, emotional expression, teenagers, emotional management, qualitative method, types of emotions

Pengenalan

Keluarga merupakan satu institusi manusia yang universal yang mengandungi satu kumpulan ahli yang berstruktur dengan fungsi untuk mensosialisasikan anak-anak yang baru dilahirkan. Ahli sosiologi *functionalist* mentakrifkan keluarga mengikut fungsinya. Mereka melihat bagaimana keluarga dihubungkan dengan bahagian lain dalam masyarakat. Dalam masyarakat keluarga memenuhi fungsi asas iaitu untuk perkembangan zuriat, sosialisasi, sokongan emosi dan status sosial. Keluarga merupakan pusat kehidupan emosi, tempat di mana anak-anak akan mendapat sokongan atau kepastian. Sekiranya terjadi penceraian di dalam keluarga, anak-anak akan kehilangan sokongan emosi serta kasih sayang kerana ibu bapa tidak lagi tinggal bersama. Kajian terhadap emosi dan pengurusan emosi remaja ini menggunakan pendekatan sosiologikal yang mendefinisikan emosi sebagai perasaan dalaman (*inner feeling*) yang tercetus secara fisiologikal dan emosi yang dirasakan dan diuruskan tersebut dipengaruhi oleh faktor persekitaran (seperti nilai dan budaya). Manusia menurut Etzioni & Hochschild dalam Thoits 1989, manusia bukan sahaja dimotivasikan oleh keprihatinan rasional ekonomi, tetapi emosi dengan orang lain dan komitmen afektif (seperti kemahuan, sikap, nilai dan kepercayaan moral) mempengaruhi sebahagian penting tingkah laku manusia.

Anak-anak daripada keluarga yang mengalami penceraian akan mengalami pelbagai emosi dan perasaan disebabkan ketiadaan ibu bapa sebagai peneraju utama dalam memastikan fungsi sebuah keluarga berjalan dengan baik. Antara emosi-emosi yang sering dikaitkan dengan anak-anak apabila ibu bapa mereka bercerai adalah perasaan sedih, tertekan, malu, marah, benci, bersalah dan sebagainya. Penzahiran emosi iaitu sama ada emosi yang dirasakan diluahkan atau tidak bergantung kepada diri remaja tersebut. Kesedihan serta tekanan yang dialami anak-anak menyebabkan terdapat anak-anak yang boleh menzahirkan emosi serta tidak boleh meluahkan emosi yang dirasainya. Peluahan emosi ini termasuk dalam pengurusan emosi anak-anak. Jadi, pengurusan emosi merupakan sesuatu yang penting untuk membantu dalam memberi sokongan serta semangat kepada anak-anak sekaligus mengurangkan masalah emosi yang dihadapi. Selain strategi yang diambil oleh anak-anak itu sendiri untuk mengurus emosi, sokongan sosial juga menjadi sumber pengurusan emosi anak-anak. Sokongan sosial boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu formal dan juga tidak formal.

Disiplin lain, terutama psikologi dan psikiatri, telah lama mengkaji dan mendalami bidang emosi ini. Kehadiran ahli sosiologi ke dalam bidang emosi membawa wawasan baru bagi mengkonsepsikan emosi-emosi. Umumnya, disiplin-disiplin seperti bidang psikologi fokus kepada proses-proses individu yang membawa emosi-emosi, manakala bidang sosiologi lebih menumpukan kepada perletakkan individu dalam satu konteks dan memeriksa bagaimana struktur sosial dan budaya mempengaruhi kebangkitan dan aliran emosi pada individu tersebut. Bidang sosiologi amat menekankan kepentingan struktur sosial dan budaya dalam sesebuah masyarakat yang mempengaruhi perkembangan emosi individu sebagai salah seorang ahli masyarakat tersebut (Turner & Stets 2005).

Ahli antropologi rata-rata mengandaikan emosi dapat memandu tingkah laku. Shots dalam Thoits (1989) mencadangkan *role taking emotions* yang mengaitkan emosi dengan kawalan sosial seperti *shame*, *guilt*, *embarrassment (unpleasant one)*, *pride* dan *vanity (pleasant one)* yang dapat memotivasikan diri. Seseorang itu merasa bangga atau malu bergantung kepada tanggapannya tentang reaksi orang lain kepada tingkah laku atau fikirannya. Apabila seseorang merasa malu dan bersalah, mereka akan membendung tingkah laku yang tidak konvensional dan sering bertindak secara altruistik untuk meredakan perasaan malu itu dan mengembalikan semula rasa megah atau harga diri. Menurutnya, *role taking emotions* ini penting kepada masyarakat dalam mewujudkan kawalan diri yang amat penting kepada kawalan sosial secara umumnya.

Menurut Thoits (1989) pengalaman subjektif bukan sahaja dipengaruhi oleh kata-kata emosi masyarakat, malah oleh kepercayaan budaya tentang emosi. Ini termasuklah segala peraturan yang berkait dengan apa yang patut dirasa atau tidak, yang patut dizahir atau tidak, ideologi tentang emosi, fahaman sepunya tentang punca, rentetan dan hasil yang tipikal dari pengalaman dan interaksi emosional, masa yang dikecualikan oleh masyarakat dari ekspektasi keakuran bersifat emosional, dan kepercayaan bahawa emosi itu boleh atau tidak boleh dikawal dengan jayanya.

Masyarakat mengandungi budaya emosi, termasuk kepercayaan tentang jantina dan emosi. Hochschild (1981) melihat bagaimana emosi itu diperolehi melalui sosialisasi dan seterusnya melihat perbezaan sosialisasi berasaskan gender yang menganggap wanita lebih empatik, lebih melahirkan rasa kasih dan sayang dan kurang memiliki rasa marah atau menzahirkan rasa marah manakala lelaki kurang memiliki rasa takut dan sedih berbanding wanita. Selain itu dalam kajian O’Kearney (2004) beliau telah mengesan perbandingan emosi yang dominan di antara remaja lelaki dan perempuan. Dalam kajian beliau mengatakan emosi negatif seperti, kemarahan adalah berpengaruh untuk kanak-kanak lelaki, dan emosi negatif seperti sedih, takut, rasa bersalah dan malu adalah ciri-ciri untuk kanak-kanak perempuan. Menurut Sullivan (2008), konflik emosi seperti kemarahan dan kesedihan, adalah salah satu emosi kuat dalam kehidupan remaja. Fungsi kesedihan adalah untuk mengawal selia serta keperluan dalam komunikasi untuk mendapatkan sokongan sosial.

Kajian mengenai pengurusan emosi dari sudut pengluhan emosi dilihat melalui kajian Peletz (1996) dalam meneliti konsep malu dalam masyarakat Melayu. Menurut beliau, perasaan malu dalam masyarakat Melayu memainkan peranan penting dalam mengatur pengluhan perasaan lain dan mengatur perlakuan serta persepsi diri orang Melayu. Kajian oleh Zaidah Mustapha (2000) mendapati bahawa sokongan sosial amat penting dalam pengendalian emosi. Menurut beliau, sekiranya sistem sokongan di dalam masyarakat moden kini tidak ada, tidak mencukupi atau tidak sesuai, maka pengendalian emosi masyarakat akan terganggu dan terjejas.

Kajian oleh Hubbard (2001) menyatakan bahawa kanak-kanak lelaki akan menzahirkan kesedihan dan kemarahan lebih daripada gadis-gadis yang mungkin lebih prihatin dengan hubungan yang harmoni. Thoits (1989) berdasarkan kajian terhadap pelajar kolej mendedahkan bahawa, apabila berhadapan dengan situasi yang tertekan, wanita lebih cenderung untuk meluahkan perasaan mereka dan menangani emosi mereka dengan mendapatkan sokongan sosial. Zaidah Mustapha (2000) mengatakan dalam masyarakat Melayu, emosi yang secara popular sering dikaitkan sebagai sesuatu yang peribadi dan dianggap tidak sesuai diluahkan secara terbuka. Ia hanya diluahkan kepada individu tertentu sahaja seperti saudara mara terdekat, ahli keluarga dan sahabat karib. Kajian oleh Fariza Md. Sham (2005), mendapati majoriti remaja mengalami tekanan emosi dan menunjukkan simptom dari aspek psikologi. Hasil kajian mendapati bahawa faktor utama yang menyebabkan tekanan ialah faktor keluarga dan faktor persekitaran. Dari aspek menangani tekanan pula, kebanyakan remaja menggunakan cara yang positif.

Aspek emosi merupakan sesuatu yang penting untuk dikaji dan dibincangkan dalam masyarakat terutamanya di kalangan anak-anak khususnya remaja. Jika sebelum ini, ramai yang mengatakan bahawa emosi merupakan subjek yang menjadi disiplin ahli psikologi sahaja kerana kerana ianya merupakan kajian berbentuk individu dan mereka yang lebih memahaminya, berbanding ahli antropologi dan juga ahli-ahli dalam disiplin yang lain. Namun kini, kajian emosi adalah bersifat menyeluruh dan merupakan sesuatu yang penting untuk dikaji dan melihatnya dari sudut antropologi dan sosiologi (Turner & Stets 2005).

Anak-anak khususnya remaja sememangnya akan berhadapan dengan masalah emosi akibat penceraian ibu bapa. Jadi, hal ini menyebabkan wujudnya pelbagai jenis emosi dan perasaan yang dirasakan dan dialami oleh remaja yang berhadapan dengan krisis penceraian ibu bapa. Hal ini demikian kerana anak-anak lazimnya akan mengalami peristiwa-peristiwa negatif daripada penceraian ibu bapa mereka. Jadi, wujudnya persoalan tentang adakah terdapat perbezaan diantara remaja lelaki dan perempuan dari aspek bentuk dan jenis emosi yang dirasakan apabila ibu bapa bercerai. Emosi juga merupakan sesuatu yang berkait rapat dengan budaya. Hal ini demikian kerana, perluhan emosi yang bersifat negatif adalah dilarang secara keras dalam masyarakat moden. Perluhan emosi negatif dianggap memalukan dan ianya bersifat peribadi dan tidak sesuai diluahkan secara terbuka. Selain itu, emosi juga adalah sesuatu yang bersifat sensitif.

Hal ini menimbulkan persoalan adakah terdapat pengaruh gender dalam membenarkan emosi yang dirasakan remaja tersebut boleh diluahkan ataupun tidak. Remaja memerlukan sokongan dan bantuan dari individu lain untuk menguruskan emosi dengan baik. Sokongan dan bantuan dari keluarga, rakan dan masyarakat penting agar remaja tidak tertekan apabila menguruskan emosi secara bersendirian. Hal ini

menimbulkan persoalan sejauhmana sokongan serta bantuan membantu dalam pengurusan emosi remaja lelaki dan perempuan.

Remaja daripada keluarga yang bermasalah seperti perceraian ibu bapa, akan berhadapan dengan masalah emosi akibat tekanan kerana mengalami keadaan hidup yang berbeza daripada keadaan yang sebelumnya. Anak-anak akan mengalami gangguan emosi dan konflik jiwa yang boleh menyebabkan berlakunya tekanan jiwa serta perkara yang boleh mengancam diri remaja tersebut. Aspek emosi adalah merupakan satu masalah yang sering membelenggu remaja kerana banyak cabaran dan rintangan yang perlu dihadapi. Kajian ini akan mengenal pasti jenis-jenis emosi dan perasaan yang dihadapi remaja daripada keluargayang mengalami perceraian ibu bapa. Emosi tersebut meliputi emosi primer seperti marah, sedih, benci, gembira ataupun emosi sekunder seperti bersalah, malu, dan bangga. Penyelidik turut akan melihat dari sudut perluahan emosi sama ada boleh atau tidak remaja meluahkan emosi yang dirasakan.

Masa remaja dikatakan zaman yang menimbulkan pelbagai konflik yang menyebabkan tekanan jiwa kepada individu. Hal ini kerana seseorang remaja gemar mencuba sesuatu yang bertentangan dengan norma sosial masyarakat. Individu yang tertekan emosinya akan menunjukkan gejala seperti agresif, mudah memberontak, marah yang tidak dapat dikawal, kemurungan, penyakit mental dan membunuh diri. Di samping itu, pengurusan emosi perlu diambil oleh semua individu khususnya remaja bagi memastikan mereka yang mengalami tekanan perasan dapat berfikir secara positif dan membuat keputusan yang tepat dan mengelakkan dari terlibat dengan masalah sosial.

Pada zaman yang serba moden ini, permasalahan dan isu kekeluargaan seperti perceraian keluarga sering muncul di muka akhbar. Keluarga dipandang sebagai institusi yang mudah pecah, sehingga perlu dilindungi. Menurut Sussman & Steinmetz (1987), perubahan sosial yang berlangsung cepat, industrialisasi, dan urbanisasi dipandang sebagai faktor yang dapat menyebabkan disorganisasi keluarga. Jika sesebuah institusi keluarga mengalami masalah seperti perceraian, anak merupakan individu yang banyak mengalami kesannya. Wallerstein et. al (2003), merumuskan bahawa keluarga yang terdiri daripada kedua-dua ibu dan bapa mampu memberikan kawalan emosi yang jelas berbanding dengan keluarga yang cuma terdiri daripada seorang penjaga sahaja. Oleh yang demikian, kawalan emosi terhadap anak-anak daripada keluarga yang bercerai amat penting agar mereka tidak mudah terjerumus dengan masalah sosial akibat kekurangan kawalan emosi yang baik dari kedua ibu dan bapa.

Keluarga terutamanya ibu bapa bertanggungjawab memberi sokongan sosial dari yang *tangible* dan bukan *tangible*. Sokongan sosial *tangible* bermaksud sokongan dari sudut keperluan zahir seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, wang, pendidikan dan sebagainya. Manakala sokongan sosial bukan *tangible* bermaksud sokongan dari sudut keperluan dalaman iaitu sokongan emosi. Keharmonian keluarga turut dicapai melalui hubungan yang baik antara semua ahli keluarga Apabila berlaku perceraian, emosi remaja terjejas dan keperluan sokongan sosial dari sudut emosi kepada anak-anak turut sama terjejas.

Kajian lepas daripada pengkaji sebelum ini lebih menumpukan kepada kesan-kesan perceraian seperti emosi kepada anak-anak Sebaliknya pengurusan emosi yang diambil oleh anak-anak yang berhadapan dengan krisis ibu bapa bercerai kurang diambil perhatian. Pengurusan emosi yang baik adalah penting supaya remaja mempunyai kekuatan dan semangat untuk menjalani kehidupan dengan baik selepas ibu bapa bercerai. Sekiranya emosi tersebut tidak diuruskan dengan baik akan memberi kesan negatif terhadap remaja. Hal ini menimbulkan persoalan adakah pengurusan emosi sesuatu yang bermasalah kepada remaja dari sudut menguruskan emosi sama ada baik ataupun tidak. Isu klasifikasi dan pengurusan emosi ini remaja daripada ibu bapa bercerai ini masih belum diberikan tumpuan secara meluas oleh penyelidik remaja di Malaysia. Disebabkan isu ini dianggap kurang diberikan tumpuan, maka banyak persoalan berkaitan dengan klasifikasi dan pengurusan emosi remaja daripada ibu bapa bercerai masih dapat dijawab sepenuhnya secara ilmiah dalam penulisan ini.

Oleh yang demikian wujud beberapa persoalan yang berkait dengan anak-anak yang berhadapan dengan krisis perceraian ibu bapa ini iaitu apakah jenis-jenis emosi yang dirasakan oleh remaja yang berhadapan dengan krisis perceraian, apakah emosi primer dan sekunder yang yang dirasakan oleh remaja, adakah terdapat perbezaan emosi yang dirasakan remaja pada awal perceraian dan masa kini dan apakah strategi pengurusan emosi dan faktor-faktor yang mempengaruhi strategi yang diambil

Metodologi kajian

Pendekatan kualitatif digunakan bagi mendapatkan peristiwa-peristiwa yang memerlukan kaedah temu bual dan pemerhatian secara mendalam (Chua Yan Piaw 2011). Kaedah temubual ini melibatkan interaksi diantara penemubual dan penyelidik dengan informan yang dikaji. Melalui kaedah temubual ini, pengkaji dapat mengumpul data dan maklumat tentang remaja secara mendalam dan merungkai dengan lebih lanjut perbezaan emosi di antara remaja lelaki dan perempuan apabila berhadapan dengan krisis penceraian ibu bapa. Kajian ini menggunakan *interpretivist paradigm*. Kajian ini akan menghuraikan suatu fenomena dengan menggunakan data deskriptif verbal. Tumpuan utama pengkaji ialah pemahaman tentang sesuatu fenomena dari perspektif informan kajian (Othman Lebar 2009). Reka bentuk penyelidikan ini menggunakan jenis fenomenologi. Kajian ini dijalankan ke atas remaja lelaki dan perempuan dari Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz Syah dan Sekolah Menengah Jalan Reko. Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan temubual mendalam ke atas 10 orang informan iaitu lima pelajar lelaki dan lima pelajar perempuan yang ibu bapanya telah bercerai. Informan yang telah ditemubual juga adalah remaja yang ibu bapanya telah bercerai selama 5 tahun dan ke atas. Selain itu, pengkaji telah memilih informan yang berumur dalam lingkungan 13 tahun sehingga 18 tahun. Hal ini demikian kerana, remaja yang berumur dalam lingkungan 18 tahun ke bawah masih bersekolah dan di bawah tanggungan penjaga.

Dapatan kajian dan perbincangan

Jadual 1 di bawah menunjukkan umur informan, umur semasa ibu bapa informan bercerai dan tempoh penceraian ibu bapa. Dari sudut taburan umur, seorang informan berumur 18 tahun iaitu Farahin. Diikuti tiga orang informan berumur 17 tahun iaitu Pija, Faizal dan Hazriq, tiga orang informan berumur 16 tahun iaitu Farah, Rahmi dan Firdaus, Suhaila berumur 15 tahun, Syahira berumur 14 tahun dan informan paling muda ialah Alif berumur 13 tahun. Dari sudut umur semasa ibu bapa bercerai seramai tiga orang informan berumur di bawah lima tahun iaitu Farah Syahira dan Faizal. Lima orang informan berumur enam hingga sembilan tahun iaitu Farahin, Suhaila, Rahmi, Firdaus dan Alif dan seramai dua orang informan berusia 10 tahun ke atas iaitu Pija dan Hazriq. Dari sudut tempoh penceraian, seramai tiga orang informan mengalami tempoh penceraian keluarga kurang dari tujuh tahun iaitu Pija, Hazriq dan Alif. Diikuti empat orang informan antara tujuh hingga sembilan tahun iaitu Farahin, Suhaila, Rahmi dan Firdaus dan seramai tiga orang mengalami tempoh penceraian 10 tahun ketas iaitu Farah, Syahira dan Faizal.

Jadual 1. Umur informan, umur semasa ibu bapa bercerai dan tempoh penceraian ibu bapa

Informan	Umur (tahun)	Umur semasa ibu bapa bercerai (tahun)	Tempoh penceraian ibu bapa (tahun)
Farah	16	5	11
Pija	17	11	6
Farahin	18	9	9
Syahira	14	3	11
Suhaila	15	7	8
Rahmi	16	9	7
Faizal	17	5	12
Firdaus	16	9	7
Hazriq	17	11	6
Alif	13	8	5

Sumber: Kerja lapangan 2014

Jadual 2 menunjukkan status penjaga informan. Seramai enam orang informan dijaga ibu. Manakala seramai dua orang informan dijaga bapa dan ibu tiri, diikuti seorang informan dijaga ibu dan bapa tiri serta dijaga ibu dan nenek. Keputusan kajian menunjukkan bahawa secara umumnya selepas penceraian ibu bapa, anak-anak akan dijaga oleh ibu yang lazimnya merupakan ibu tunggal. Mereka turut dibantu oleh saudara terutamanya nenek untuk tinggal bersama bagi membantu ibu menjaga anak-anak selepas penceraian. Manakala remaja yang dijaga oleh bapa selepas penceraian, lazimnya akan tinggal bersama bapa dan ibu tiri disebabkan perkahwinan semula bapa mereka.

Jadual 2. Status penjaga penjaga informan

Informan	Penjaga
Farah	Ibu dan nenek
Pija	Ibu
Farahin	Bapa dan ibu tiri
Syahira	Ibu
Suhaila	Ibu
Rahmi	Ibu
Faizal	Ibu
Firdaus	Bapa dan ibu tiri
Hazriq	Ibu
Alif	Ibu dan bapa tiri

Sumber: Kerja lapangan 2014

Jadual 3 menunjukkan bahawa hanya tiga dari 10 orang ibu informan kini berkahwin lain manakala selebihnya merupakan ibu tunggal. Berbanding dengan bapa, keseluruhan bapa informan kini berkahwin lain selepas penceraian. Hasil kajian menunjukan bahawa rata-rata ibu informan selepas penceraian tidak akan berkahwin semula dan akan memikul tanggungjawab menjaga anak-anak secara bersendirian. Manakala lelaki secara majoritinya akan berkahwin semula dan membina keluarga baru selepas penceraian.

Jadual 3. Status perkahwinan ibu bapa informan

Informan	Status Perkahwinan Ibu	Status Perkahwinan Bapa
Farah	Ibu tunggal	Berkahwin lain
Pija	Ibu tunggal	Berkahwin lain
Farahin	Ibu kahwin lain	Berkahwin lain
Syahira	Ibu tunggal	Berkahwin lain
Suhaila	Ibu tunggal	Berkahwin lain
Rahmi	Ibu tunggal	Berkahwin lain
Faizal	Ibu tunggal	Berkahwin lain
Firdaus	Ibu kahwin lain	Berkahwin lain
Hazriq	Ibu tunggal	Berkahwin lain
Alif	Ibu kahwin lain	Berkahwin lain

Sumber: Kerja lapangan 2014

Emosi remaja akibat krisis penceraian

Jadual 4 menunjukkan jenis emosi yang dirasai remaja akibat krisis penceraian dari sudut emosi positif dan negatif. Emosi positif yang dirasai informan akibat krisis penceraian ialah emosi gembira, sayang dan bangga. Manakala emosi negatif ialah sedih, malu, marah, benci dan tertekan. Keputusan kajian ini mendapati emosi yang dirasai anak-anak akibat penceraian adalah seperti sangat sedih, sedih, kecewa marah dan benci. Disebalik emosi negatif, terdapat juga emosi baik yang dirasai anak-anak seperti sayang, gembira.

Jadual 4. Taburan emosi positif dan emosi negatif informan akibat krisis penceraian

Informan	Emosi Positif			Emosi Negatif				
	Gembira	Sayang	Bangga	Sedih	Malu	Marah	Benci	Tertekan
Farah	✓	✓		✓				
Pija		✓		✓	✓		✓	✓
Farahin	✓	✓	✓	✓	✓			
Syahira				✓				✓
Suhaila	✓	✓		✓				
Rahmi	✓			✓		✓	✓	
Faizal		✓			✓	✓		
Firdaus	✓	✓				✓		
Hazriq	✓		✓	✓		✓		
Alif	✓			✓				✓

Sumber: Kerja lapangan 2014

Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati emosi ditumpukan kepada satu set emosi positif seperti kasih sayang, cinta, kegembiraan dan ketenangan dan juga satu set negatif seperti marah, cemburu, takut, keluh kesah, sedih, dengki dan benci. Manakala tekanan emosi pula, menurut beliau berpusat kepada emosi yang negatif.

Keseluruhan informan perempuan dalam kajian ini lebih berasa sedih dan malu berbanding lelaki. Manakala informan lelaki lebih mempunyai perasaan marah dan benci berbanding perempuan. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Hochschild (1981) yang mendapati bahawa perempuan kurang mempunyai perasaan marah dan lebih kepada perasaan sedih berbanding lelaki. Manakala lelaki kurang memiliki rasa takut dan sedih berbanding wanita. Dapatan kajian ini juga menyokong kajian yang telah dilakukan O’Kearney (2004), beliau telah mengesan perbandingan emosi yang dominan di antara remaja lelaki dan perempuan. Dalam kajian beliau mengatakan emosi negatif seperti, kemarahan adalah berpengaruh untuk kanak-kanak lelaki, dan emosi negatif seperti sedih, takut, rasa bersalah dan malu adalah ciri-ciri untuk kanak-kanak perempuan. Konflik emosi seperti kemarahan dan kesedihan, adalah salah satu emosi kuat dalam kehidupan remaja. Kesedihan yang dirasai oleh informan perempuan adalah tinggi berkemungkinan disebabkan mereka memerlukan lebih sokongan sosial berbanding lelaki.

Jadual 5 di bawah menunjukkan pengurusan emosi informan dari sudut perluhan dan pemendam emosi. Hasil kajian mendapati antara faktor informan tidak boleh meluahkan emosi adalah disebabkan masih kecil yang membataskan perluhan emosi tersebut, penceraian adalah sesuatu yang memalukan dan aib, tidak mahu ibu risau, sensitif dan cepat menangis, tiada sokongan dari ibu, malu rakan mengejek, kurang kepercayaan dan persepsi diri bahawa orang lain tidak akan memahami. Faktor-faktor ini menyebabkan informan menguruskan emosi dengan memendam perasaan dan tidak meluakkannya. Dapatan kajian ini berkait dengan Kajian Scheff dalam Zaidah Mustapha (2000) yang meneliti bahawa masyarakat moden secara kerasnya menghalang perluhan emosi yang negatif. Beliau mengandaikan perluhan emosi merupakan suatu keperluan yang biologikal dan manusia belajar mengawal emosi yang

menekan seperti sedih, takut, marah, malu dan bosan yang menimbulkan ketegangan dalam badan dan akan menyebabkan timbulnya tingkah laku memendamkan perasaan, tiada empati dan kerjasama.

Jadual 5. Pengurusan emosi sendiri remaja

Informan	Pendam	Luah
Farah	D: Pendam emosi F: Masih kecil dan tidak tahu cara untuk luah	S: Luah kepada ibu dan rakan baik F: Dapat sokongan, nasihat dan lega : Rakan baik minta Farah menceritakan kisah hidup
Pija	D & S: Pendam emosi F: Penceraian memalukan, tidak perlu diketahui. :Tidak mahu ibu risau	
Farahin		D & S: Luah kepada rakan baik F: Sikap terbuka : Dapat semangat dan kekuatan
Syahira	S: Pendam emosi F: Sensitif dan cepat menangis : Tiada sokongan dari ibu : Malu rakan pandang rendah, ejek	
Suhaila	D: Pendam emosi F: Masih kecil dan tidak tahu nak luah kepada siapa	S: Luah kepada rakan baik F: Dapat sokongan daripada terus tertekan
Rahmi	D: Pendam emosi F: Tidak percaya sesiapa	S: Luah kepada rakan baik dan kaunselor F: Dapat sokongan dan nasihat
Faizal		S: Luah kepada ibu dan rakan baik F: Lega dan hilang tekanan
Firdaus	D: Pendam emosi F: Penceraian adalah aib : Orang lain tidak akan faham	S: Luah kepada rakan baik F: Dapat kekuatan dan semangat
Hazriq		D & S: Luah kepada ibu dan rakan baik F: Dapat sokongan dan kekuatan
Alif		D & S: Luah kepada rakan baik dan kaunselor. F: Ketenangan, rakan merupakan pendengar yang setia. : Dapat nasihat dan bimbingan dari kaunselor

Sumber: Kerja lapangan 2014

Petunjuk: D: Dahulu, S: Sekarang, D&S: Dahulu dan Sekarang, F: Faktor yang mempengaruhi

Selain itu, hasil kajian mendapati faktor-faktor yang mempengaruhi peluahan emosi adalah untuk mendapatkan sokongan sosial dari individu terdekat seperti ibu, rakan dan kaunselor. Sokongan sosial tersebut adalah dari sudut mendapatkan nasihat, kekuatan, semangat, bimbingan. Selain itu peluahan emosi tersebut untuk memperoleh kelegaan dan menghilangkan tekanan. Informan dalam kajian meluahkan emosi kepada individu terdekat iaitu ibu, rakan baik dan kaunselor. Kajian ini membuktikan kajian yang dilakukan oleh Scheff dalam Zaidah Mustapha (2000) dalam masyarakat Melayu, emosi yang secara popular sering dikaitkan sebagai sesuatu yang peribadi dan dianggap tidak sesuai diluahkan secara terbuka. Ia hanya diluahkan kepada individu tertentu sahaja seperti saudara mara terdekat, ahli keluarga dan sahabat karib.

Informan Syahira dan Faizal tidak menguruskan emosi pada awal penceraian kerana usia beliau masih kecil iaitu tiga dan lima tahun. Informan lelaki yang boleh meluahkan emosi pada awal penceraian dan pada masa kajian ialah Hazriq dan Alif dan informan perempuan ialah Farahin. Peluahan emosi tersebut dilakukan untuk mendapatkan sokongan, bimbingan, kekuatan, semangat dan ketenangan dari individu

terdekat. Kajian mendapati informan lelaki yang tidak boleh meluahkan emosi pada awal penceraian dan akhirnya dapat meluahkan pada masa mendatang iaitu Firdaus dan Rahmi manakala informan perempuan ialah Suhaila. Emosi tersebut tidak diluahkan disebabkan faktor penceraian adalah sesuatu yang aib dan tidak dipercayai sesiapa untuk dijadikan tempat perluhan emosi. Perasaan yang dipendam tersebut akhirnya diluahkan bagi mendapatkan sokongan. Kajian ini menunjukkan bahawa tempoh masa mempengaruhi informan dari sudut boleh meluahkan emosi yang dirasakan.

Manakala informan perempuan yang tidak boleh meluahkan emosi pada awal penceraian dan mendatang ialah Pija dan Syahira. Informan tidak meluahkan emosi kerana faktor budaya seperti malu dengan penceraian dan ketiadaan sokongan yang kuat individu sekeliling. Pemendaman emosi tersebut menyebabkan informan berasa tertekan. Dapatan kajian ini menyokong Kajian mengenai pengurusan emosi dari sudut pengluahan emosi dilihat melalui kajian Peletz (1996) dalam meneliti konsep malu dalam masyarakat Melayu. Menurut beliau, perasaan malu dalam masyarakat Melayu memainkan peranan penting dalam mengatur pengluahan perasaan lain dan mengatur perlakuan serta persepsi diri orang Melayu.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa informan lelaki mudah meluahkan emosi yang dirasakan berbanding informan perempuan. Hal ini mungkin disebabkan faktor keterbukaan dan keinginan faktor sokongan oleh ibu dan rakan-rakan membantu informan lelaki dalam meluahkan emosi yang dirasakan berbanding perempuan. Informan perempuan lebih sukar untuk meluahkan emosi kerana kurangnya sokongan sosial dari ibu dan rakan-rakan.

Jadual 6 menunjukkan pengurusan emosi informan dari sudut bantuan/sokongan. Hasil kajian mendapat rata-rata informan menguruskan emosi dengan bantuan daripada rakan baik. Ini diikuti bantuan dari ibu dan kaunselor. Hal ini menunjukkan bahawa rakan merupakan sokongan yang paling utama bagi informan yang menghadapi krisis penceraian dalam keluarga. Di kalangan informan lelaki, keseluruhan informan menjadikan bantuan dari rakan baik sebagai pengurusan emosi yang penting. Manakala dua orang informan iaitu Hazriq dan Faizal menguruskan emosi dengan bantuan ibu dan rakan baik manakala dua orang informan iaitu Rahmi dan Alif menguruskan emosi dengan bantuan rakan baik dan kaunselor. Manakala di kalangan informan perempuan, tiga orang informan iaitu Farah, Farahin dan Syahira menguruskan emosi dengan bantuan rakan baik dan hanya Farah menguruskan emosi dengan bantuan ibu dan rakan baik.

Jadual 6. Pengurusan emosi dengan bantuan/sokongan

Informan	Bantuan/sokongan	Kepentingan bantuan/sokongan
Farah	Ibu Rakan baik	Dapat sokongan dan nasihat
Pija	Tidak ada bantuan	
Farahin	Rakan baik	Dapat semangat dan kekuatan
Syahira	Tidak ada bantuan	
Suhaila	Rakan baik	Dapat sokongan dari terus tertekan
Rahmi	Rakan baik Kaunselor	Dapat sokongan dan nasihat
Faizal	Ibu Rakan baik	Dapat kelegaan, hilang tekanan
Firdaus	Rakan baik	Dapat kekuatan dan semangat
Hazriq	Ibu Rakan baik	Dapat sokongan dan kekuatan
Alif	Rakan baik Kaunselor	Dapat ketenangan, nasihat dan bimbingan

Sumber: Kajian lapangan 2014

Sokongan dan bantuan dari individu terdekat penting dalam membantu informan menguruskan emosi dengan baik dan mendapatkan emosi yang positif. Kajian oleh Zaidah Mustapha (2000) mendapati bahawa sokongan sosial amat penting dalam pengendalian emosi. Menurut beliau, sekiranya sistem sokongan di dalam masyarakat moden kini tidak ada, tidak mencukupi atau tidak sesuai, maka pengendalian emosi masyarakat akan terganggu dan terjejas.

Secara keseluruhan informan dalam kajian ini memerlukan sumber sokongan sosial daripada penjaga mereka sama ada ibu atau bapa, ahli keluarga dan rakan-rakan untuk mereka mengadu dan berkongsi perasaan. Selain itu sokongan sosial juga bertujuan untuk mengurangkan beban emosi dan tekanan yang dihadapi remaja sekaligus membantu mereka menguruskan emosi dengan baik. Kebanyakan daripada informan meluahkan emosi yang dirasakan kepada ibu dan rakan-rakan. Rata-rata informan dalam kajian ini menunjukkan keterikatan dan sokongan dari rakan-rakan rapat lebih kuat berbanding penjaga mereka. Selain itu terdapat informan meluahkan emosi mereka kepada kaunselor sekolah. Dari sudut pengurusan emosi negatif, terdapat beberapa informan yang menguruskan emosi secara negatif dengan kurang memberi tumpuan dalam pelajaran, tidak hadir ke sekolah dan menimbulkan masalah di sekolah. Jadi, jelaslah bahawa terdapat pengurusan emosi berbentuk positif dan negatif yang diambil remaja dalam menangani emosi akibat krisis perceraian ibu bapa.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh dapat dibuat kesimpulan bahawa krisis perceraian dalam keluarga menyebabkan informan perempuan dalam kajian ini lebih mempunyai perasaan malu berbanding lelaki. Dari sudut emosi positif, informan perempuan lebih tertumpu kepada emosi positif iaitu sayang berbanding lelaki. Namun demikian informan lelaki lebih mempunyai emosi gembira. Hal ini mungkin berkait rapat dengan sokongan sosial yang diperoleh. Selain itu, informan lelaki lebih tertumpu kepada emosi negatif seperti benci dan marah berbanding perempuan. Dari sudut perluhan emosi, informan perempuan kurang meluahkan emosi berbanding lelaki. Faktor budaya seperti tidak menggalakan perluhan emosi negatif serta kurangnya sokongan dari ibu, rakan-rakan dan komuniti merupakan faktor emosi tersebut tidak berjaya diluahkan. Sekiranya emosi tersebut tidak diluahkan kepada individu terdekat dikhuatiri akan memberi kesan negatif terhadap perkembangan emosi negatif informan. Oleh yang demikian sokongan dari individu terdekat seperti ibu bapa, rakan baik dan komuniti secara menyeluruh amat penting bagi memastikan perkembangan emosi informan berjalan dengan baik. Secara keseluruhannya, sokongan sosial amat penting untuk informan menyesuaikan diri selepas perceraian dan menguruskan emosi dengan baik. Anak-anak yang mempunyai hubungan yang rapat dengan ibu atau salah satu dari ibu bapa akan membuat penyesuaian yang baik. Manakala informan yang tidak mendapat sokongan sosial yang baik dari ibu bapa atau salah satu dari ibu bapa akan melalui penyesuaian hidup yang susah. Akhirnya timbul anak-anak yang tidak boleh meluahkan emosi dan memendamkan emosi sehingga menjadi tertekan dan terlibat dengan tingkah laku yang negatif seperti ponteng sekolah, hilang tumpuan belajar di sekolah dan menimbulkan masalah di sekolah kerana tidak berupaya untuk menguruskan emosi dengan baik.

Rujukan

- Chua Yan Piaw (2011) Kaedah dan Stitistik Penyelidikan. Buku 1. Kaedah Penyelidikan. Edisi Kedua. Mc Graw Hill, Kuala Lumpur.
- Dolgin (2011) *The Adolescent: Development, Relationships and Culture*. Pearson Education, New York.
- Fariza Md. Sham (2005) Tekanan emosi remaja islam. *Jurnal Islamiyyat* 27 (1), 3-24.
- Hochschild AR (1975) *The Sociology of Feeling and Emotion*. Selected Possibilities.
- Hochschild AR (1979) Emotion talk, feeling rules, and social culture. *American Journal of Sociology* 85, 551-575.

- Hubbard J (2001) Emotion expression processes in children's peer interaction: The role of peer rejection, aggression, and gender. *Child Development* 72(5).
- John HHM (2004) *A Fine Children of divorce: Stories of loss and growth*. United States.
- Othman Lebar (2009) *Penyelidikan Kualitatif. Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- O'Kearney R, Dadds M (2004) Developmental and gender differences in the language for emotions across the adolescent years. *Cognition and Emotion* 18(7), 913-938.
- Peletz MG (1996) *Reason and passion*. University of California Press, Berkeley.
- Scheff TJ (1988) Shame and conformity: The deference-emotion system. *American Sociological Review* 53, 359-406.
- Sullivan T, Helms SKW, Goodman K (2008) Associations between sadness and anger regulation coping, emotional expression, and physical and relational aggression among urban adolescents. *Social Development* 9, 30-51.
- Sussman MB, Suzanne KS (1987) *Marriage and the Family*. Plenum Press, New York.
- Turner JH, Stets JE (2005) *The sociology of emotions*. Cambridge University Press, Cambridge.
- Thoits PA (1989) The sociology of emotions. *Annual Review Sociology*.
- Wallerstein Judith S, Sandra Blakeslee (2003) *What About The Kids? Raising Your Children Before, During and After Divorced*. Hyperion, New York.
- Zaidah Mustapha (2000) *Orang Melayu dan Emosi*. Laporan Sabatikal UKM. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.